**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**
**Sidang Akademik 1996/97**

**OKTOBER/NOVEMBER 1996**

**RPK 231 - Prinsip-Prinsip Perancangan**

**Masa : 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan: **DUA (2)** soalan daripada Bahagian A
**DUA (2)** soalan daripada Bahagian B.

**Bahagian A** (Jawab **DUA (2)** soalan)

1. Lebih kurang dua ribu tahun dulu terdapat beberapa petempatan yang mempunyai penduduk seramai 10,000 orang. Bolehkah petempatan-petempatan ini dianggap sebagai bandar?

   Jelaskan kenyataan anda.

   (25 markah)

2. Apakah ciri-ciri utama bandar-bandar Islam yang membezakannya dari bandar-bandar Islam yang membezakannya dari bandar-bandar "bukan Islam"?

   (25 markah)

3. i) Apakah pertimbangan **terpenting** yang diambilkira oleh perancang-perancang Cina Purba di dalam merekabentuk bandar-bandar mereka. (Ringkas. Tidak melebihi satu perenggan).

   ii) Adakah pertimbangan ini masih digunakan oleh perancang-perancang keturunan Cina pada hari ini?

   Sekiranya Ya, buktikan. Sekiranya Tidak, nyatakan mengapa.

   (25 markah)

**Bahagian B** (Jawab **DUA (2)** soalan)

1. Dengan berpandukan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) beri takrifan Rancangan Pemajuan. Gariskan secara jelas proses penyediaan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.

   (25 markah)

2. Dengan merujuk kepada mana-mana PBPT di Semenanjung Malaysia, jelaskan kenapa Kawalan Pembangunan itu penting?

   Buat carta alir yang menerangkan permohonan Kebenaran Merancang bagi mendapat kelulusan pecah sempadan dan pelan susunatur.

   (25 markah)

3. Apakah tujuan keperluan Laporan Cadangan Perancangan (LCP) dalam sistem perancangan selepas pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1995 dibuat?

   Huraikan dengan jelas prosedur penyediaan LCP.

   (25 markah)

4. Akta Perancang Bandar 1995 memaparkan peranan dan bidang kuasa seorang perancang bandar. Jelaskan peranan dan bidang kuasa tersebut.

   (25 markah)

oooOOooo